

Perkongsian pintar UMSKAL dan HEP IPG Kampus Tawau

U/ 30-7-2019 B1
SERAMAI 17 peserta telah mengikuti Program Lawatan Penanda Aras Jabatan Hal Ehwal Institut Perguruan Kampus Tawau (IPG) ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Ahad.

Rombongan yang terdiri daripada dua ketua jabatan, tiga ketua unit dan 10 staf sokongan itu diketuai Dr Mohd Asri Ispal yang juga ketua Jabatan HEP IPG Kampus Tawau.

Penyelaras program Noraini Zakaria yang juga ketua Unit Kepimpinan dan Pembangunan Sahsiah IPG Kampus Tawau berkata tujuan lawatan sebagai satu usaha perkongsian pintar mendepani isu pelajar masa kini dan turut dijadikan sebagai indikator kepada penarafan institut peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, dalam sesi perkongsian pintar,

perkara berkaitan aktiviti pembangunan sahsiah pelajar, Akta Kawalan Tata tertib Pelajar dan Kolej Kediaman telah dibincangkan dengan lancar dan mesra.

Beliau berharap dengan program itu, hubungan IPG Kampus Tawau dengan UMSKAL dapat kekal terjalin sebagai dua entiti pendidikan yang signifikan.

Ahli rombongan teruja menikmati pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan dari Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL yang turut menjadi lokasi Balai Cerapan selain Pejabat Pengarah UMSKAL.

Mereka turut melawat Pejabat HEP, Pejabat Pusat Kokurikulum, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), makmal FKI, bilik kuliah dan bilik mesyuarat.

Selain UMSKAL, delegasi IPG Kampus

Tawau turut melawat Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan Kolej Universiti Perguruan Agama Islam Brunei Darussalam.

Sementara itu, taklimat mengenai pentadbiran UMSKAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia Mas Adi Alimin yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof. Dr Murnizam Haji Halik.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah, Ketua Sektor Perumahan Pelajar dan Hospitaliti Johari Sapar dan Penolong Pendaftar HEP Mohd Fadzli Sarudi.

Mas Adi berharap kunjungan IPG Kampus Tawau itu akan mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua organisasi khususnya yang berkaitan pentadbiran hal ehwal pelajar dan sumber manusia.

“Menerusi lawatan itu



MAS Adi (empat kanan) menyampaikan cenderamata kepada Asri, diperhatikan pegawai UMSKAL dan IPG Kampus Tawau.

juga kami dapat bertukar-tukar ilmu dan pengalaman

mengenai IPG Kampus Tawau dan UMSKAL

sendiri sekali gus mempromosikan universiti

ini kepada warga Tawau,” katanya.